


## TATACARA PENGGUNAAN MESIN PERAKAM WAKTU KEHADIRAN

	<p>Pastikan perakam waktu kehadiran berada dalam keadaan sedia.</p> <p><b>Nota :-</b> Jika tiada paparan / tidak berfungsi sila tekan butang <b>○</b> sekali untuk memulakan operasi.</p>
	<p>Letakkan jari yang telah didaftarkan ke atas sensor dan tunggu sehingga paparan berikut:</p> <p style="text-align: center;"><i>Remove Finger</i></p> <p>Angkat jari selepas pesanan di atas dipaparkan.</p> <p><b>Nota :-</b> Anda <b>TIDAK PERLU</b> menekan kawasan sensor dengan kuat.</p>
	<p>Jari anda perlu diletak dengan rata di atas sensor.</p> <p>Pastikan titik tengah cap jari anda diletakkan di tengah-tengah sensor.</p>
	<p>Tunggu sehingga paparan LCD menunjukkan bacaan berikut :</p> <p style="text-align: center;"><i>Work Code</i> 0</p>

	<p>Tekan butang 0 atau 1 pada papan kekunci :</p> <p>0 : Check In 1 : Check Out</p> <p>Nombor asal yang terpapar ialah 0 untuk transaksi masuk.</p> <p>Sila tekan butang 1 untuk menukar kepada transaksi keluar.</p> <p>Jika nombor 1 tidak dimasukkan, maka transaksi masuk akan disimpan ke dalam sistem.</p>
	<p>Kemudian tekan butang OK untuk mengesahkan transaksi kehadiran anda.</p> <p>Mesin perakam waktu akan mengeluarkan suara berikut :</p> <p><i>Thank You</i></p>
	<p>Transaksi kehadiran akan diproses masuk ke dalam rekod kehadiran pada jam 23:59:59 malam setiap hari.</p>
<p>Sekiranya cap jari anda tidak dapat disahkan paparan LCD akan menunjukkan bacaan berikut :</p> <p><i>Please Try Again</i></p> <p>Sila buat aduan ke Jabatan Pengurusan Dan Sumber Manusia jika cap jari anda masih tidak dapat disahkan setelah mencuba beberapa kali.</p>	